

Projek tebatan banjir Sungai Belat mula Jun depan

» Proses rangka pelan, reka bentuk dimasukkan dalam RMKe-11

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Penduduk di daerah ini yang terdedah kepada bencana banjir sejak sekian lama bo-

leh menarik nafas lega apabila projek tebatan banjir Sungai Belat bakal dimulakan Jun depan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Datuk Ir Shaharuddin Ibrahim berkata, projek dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) itu kini dalam proses merangka pelan dan reka bentuk.

Katanya, projek tebatan banjir itu merangkumi kerja-kerja mendalamkan sungai, membina struktur ban banjir di kedua-dua belah tebing sungai dan membina rumah pam.

“Projek berkenaan mampu mengatasi masalah limpahan air daripada sungai berkenaan sehing-

ga menyebabkan banjir di kawasan berhampiran.

“Kita juga dapati sungai itu terlalu cetek dan apabila hujan lebat, paras air naik dengan pantas sehingga menyebabkan banjir,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Persewaan Menghadapi Banjir Peringkat Komuniti Kuantan di Sungai Isap di sini, semalam.

Projek jangka masa panjang

Mengulas lanjut, Shaharuddin berkata, projek tebatan banjir Sungai Belat itu adalah satu daripada komponen dalam Projek Lembangan Sungai Kuantan yang dirangka bagi mengatasi masalah

banjir untuk tempoh jangka masa panjang.

“Kita anggarkan jumlah perbelanjaan yang akan digunakan untuk Projek Lembangan Sungai Kuantan ini adalah antara RM300 juta hingga RM500 juta.

“Tetapi jumlah keseluruhan kita belum dapat pastikan kerana projek dilaksanakan secara berperingkat,” katanya.

Dalam pada itu, Shaharuddin berkata, bengkel satu hari itu bertujuan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai bencana banjir.

“Bencana banjir di negeri ini meningkat sejak kebelakangan berikutan perubahan iklim di se-



Shaharuddin Ibrahim

luruh dunia dan kita jangka ia bakal kerap berlaku.

“Tetapi untuk menghadapi situasi berkenaan kita masih belum bersedia, diharapkan bengkel itu dapat meningkatkan kesedaran mengenai risiko bencana banjir di kalangan masyarakat,” katanya.